

Plat Malaysia Boleh Dibida Mulai 2 Julai

PUTRAJAYA: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan membuka tawaran untuk siri nombor pendaftaran Malaysia bermula dari 2 Julai ini bersempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini yang bertemakan Sayangi Malaysiaku. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, tawaran bidaan untuk nombor pendaftaran istimewa itu melibatkan 10,000 siri bermula daripada Malaysia 1 sehingga Malaysia 9999.

Beliau memaklumkan, semua nombor siri pendaftaran berkenaan adalah terbuka untuk bidaan oleh mana-mana individu dan pihaknya hanya memberi pengecualian kepada nombor siri Malaysia 2020 untuk Perdana Menteri, Tun Dr.Mahathir Mohamad.“ bidaan ini dibuka kepada orang awam mulai 2 Julai sehingga 16 Julai ini dan keputusan tawaran bidaan akan diumumkan pada 23 Ogos nanti,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini. Ujar beliau, pihaknya menjangkakan tawaran bidaan nombor khas itu dapat memberi hasil lebih RM22 juta kepada kerajaan berdasarkan kejayaan nombor pendaftaran indeks siri V dan F, masing-masing merekodkan hasil RM22.48 juta dan RM 17.55 juta.

“Harga bidaan tertinggi yang pernah direkodkan bagi kedua-dua siri tersebut ialah RM989,780 bagi nombor pendaftaran V1 dan RM 836,660 bagi bidaan nombor pendaftaran F1 tetapi rekod Malaysia yang tertinggi setakat ini ialah nombor pendaftaran Patriot 1 bernilai RM1.3 juta,” katanya. Beliau memberitahu, hak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mengendalikan nombor pendaftaran telah dihentikan. Dalam pada itu Anthony berkata, selain siri nombor pendaftaran Malaysia, pihaknya sedang membuat kajian untuk mengeluarkan siri nombor pendaftaran berdasarkan nama negeri seperti Selangor dan Perak dengan berkemungkinan dapat dilaksanakan bermula September depan.

Ujarnya lagi, dalam menambah hasil kerajaan, pihaknya juga sedang membuat kajian untuk melaksanakan nombor pendaftaran berbentuk peribadi berdasarkan nama individu.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 10 | 5 JUN 2018